

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN [AMPANG]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan penerangan lebih lanjut tentang langkah-langkah mencegah rotavirus yang mudah dijangkiti anak-anak kecil terutamanya di sekolah.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Jangkitan Rotavirus adalah penyebab kepada 90% acute gastroenteritis (AGE) dikalangan kanak-kanak. Virus mudah menjangkiti kanak-kanak sekiranya persekitaran kanak-kanak tidak bersih dan sanitari. Jangkitan menyebabkan cirit-birit teruk dan seterusnya dehidrasi yang boleh membawa maut.

Langkah-langkah pencegahan jangkitan Rotavirus adalah;

- i. Sentiasa mengamalkan kebersihan diri, minum air yang telah dimasak pada suhu didih serta mengambil makanan yang disediakan dan dimasak dengan bersih dan sempurna.

- ii. Memastikan persekitaran kanak-kanak sentiasa bersih dan elakkan dari berkongsi peralatan peribadi dengan kanak-kanak yang lain terutamanya yang mempunyai gejala cirit-birit.
- iii. Mendapatkan pelalian Rotavirus dari hospital dan klinik swasta tertentu. Perkhidmatan imunisasi ini tidak disediakan di klinik Kerajaan. Fatwa penggunaan vaksin ini boleh dirujuk kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-81.
- iv. Mendapatkan rawatan dan nasihat doktor segera sekiranya kanak-kanak mengalami cirit-birit kerana kelewatan rehidrasi kes boleh menyebabkan kematian.